

13/05/1997

Dr M lawat projek Langkawi

LANGKAWI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghabiskan masa kira-kira empat jam melawat beberapa projek pembangunan di pulau ini.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri ditemani Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Abdul Halil Mutalib.

Dr Mahathir yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat, kira-kira jam 2 petang, menghadiri majlis pembukaan Restoran Han Kook Kwan di Taman Tema Air Aquabeat di Kuala Muda yang menyediakan pelbagai makanan Korea.

Di taman tema berkenaan, Dr Mahathir diberikan taklimat ringkas mengenai projek pembinaan Pelabuhan Marina Langkasuka yang dikendalikan Ekran Bhd oleh Pengurus projek, Kapten (B) Quah Hoe Yang.

(END)